

02/07/2003

UKM anjur Persidangan Antarabangsa Bahasa 16 Disember

Norzilawati Abdul Halim

PUSAT Pengajian Bahasa dan Linguistik (PPBL), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan menganjurkan

Persidangan Antarabangsa Bahasa dan Kesatubangsaan: Menangani Realiti Baru, di Hotel Marriot, Putrajaya, mulai 16 hingga 18 Disember depan.

Pengerusi persidangan itu, Prof Dr Zawiah Yahya, berkata bahasa dalam pembangunan bangsa dan negara memainkan fungsi penting dalam pembentukan konsep "kesatubangsaan".

Katanya, bahasa adalah medium atau pengantara penting bagi menzahirkan pemikiran manusia yang mempunyai pelbagai makna, idea dan ideologi serta perpindahan budaya dalam membentuk sesebuah masyarakat.

Selain selaras keperluan itu, beliau berkata, persidangan berkenaan diadakan juga sebagai pusat pertemuan dan perkongsian pengetahuan, ideologi, pendirian, wacana dan polisi dari seluruh pelosok dunia.

"Persidangan ini juga adalah usaha bagi menangani realiti dan cabaran baru abad ke-21 serta mencari kesefahaman di kalangan peserta persidangan bagi mengatasinya.

"Berdasarkan pengalaman PPBL menganjurkan tiga kali seminar peringkat antarabangsa, kami yakin tumpuan terhadap isu bahasa akan mendapat perhatian daripada seluruh ahli pemikir dan cendekiawan seluruh negara.

"Persidangan ini terbuka kepada 400 penyertaan, termasuk 30 pembentang kertas kerja luar negara. Setakat ini, kami menerima 40 abstrak kertas kerja dan mengalu-alukan penyertaan daripada pembentang tempatan dan luar negara. Mereka berminat perlu menghantarnya sebelum 1 Ogos," katanya.

Dr Zawiah, sejumlah 83 kertas kerja akan dibentangkan sehari sepanjang persidangan tiga hari itu dan daripada jumlah itu 68 akan dibentangkan oleh sarjana yang mewakili pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Penyertaan terbuka kepada semua profesional seperti guru, pegawai pendidikan, penulis, wartawan dan wakil IPT.

Persidangan itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad yang juga akan menyampaikan ucap tama, selain sidang secara talian

bersama bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela.

Antara topik yang akan dibentangkan ialah Kurikulum Bahasa dan Kesusasteraan; Pendidikan Perguruan Bahasa; Sistem Pendidikan Kebangsaan, Ibunda dan Agama serta Pengurusan Komunikasi dan Pembinaan Identiti.

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi urus setia persidangan di talian 03-8929 6481 atau laman web: [www.fpbahasa.ukm.my/solls](http://www.fpbahasa.ukm.my/solls).